

dan kewujudannya. Merasai sebahagian dari sesuatu kelompok, menjadi ahli dalam sesuatu kumpulan, memberi tempat kepada seseorang dalam masyarakat agar dia dapat berpaling untuk meminta pertolongan atau perlindungan (consolation). Lalu, lanjutan dari itu, kebudayaan sesuatu kaum dan negara mestilah dikekalkan dan diketengahkan. Keseluruhan golongan dan kepercayaan psikologis serta budaya yang diberikan oleh masyarakat adalah perlu untuk kehidupan yang sihat di mana-mana persekitaran atau di mana-mana zaman pun.

## **SEJARAH PENUBUHAN KOTA INDERA KAYANGAN DI PERLIS**

**Oleh: SHALIZA MOHD. SALLEH**


Sejarah pembinaan Kota Indera Kayangan di Perlis adalah berkait rapat dengan sejarah Negeri Kedah seperti jurai keturunan yang dapat dilihat dalam rajah I. Ia dikatakan berkait rapat dengan sejarah Negeri Kedah kerana ada beberapa orang Sultan telati mendirikan kota di Perlis kerana Perlis sebelum tahun 1909 adalah negeri di bawah pemerintahan Kedah.

Di dalam Hikayat Merong Mahawangsa asal-usul keturunan raja-raja Kedah yang bermacam baur antara metos, lagenda clan cerita sejarah dengan fungsi yang tertentu untuk mengagungkan keturunan, kesucian dan kedaulatan keturunan raja-raja Kedah. Untuk menggalakkan unsur-unsur lagenda dan metos mempengaruhi kajian sejarah Kedah yang akan dihubungkan dengan sejarah Kota Indera Kayangan ataupun lebih dikenali oleh orang-orang tempatan "Almarhum Tok Kayang."

Maka jurai keturunan raja-raja Kedah akan dimulakan dari Sultan Muzaffar Shah yang telah membina Kota Bukit Meriam. Pada tahun 1902 seorang lagi Sultan iaitu Sultan Sulaiman II dari Kedah telah mendirikan Kota Si Putih di Kedah sebagai pusat pentadbiran sehingga keturunan Sultan Kedah telah berpindah ke beberapa buah kota pentadbiran yang baru sehingga Sultan Rijaludin Mohd. Shah yang telah mendirikan Kota Naga di Kedah pada 1625 hingga 1651.

Tengku Ataullah Mohd. Shah telah menjadi Sultan Kedah yang pertama dari keturunan Tunku dan seorang lagi Sultan Kedah iaitu Tunku Abdullah Ma'azam Shah telah memerintah kubu yang sama (Bukit Pinang) pada tahun 1118 hingga 1119. Tunku Mohd. Jiwa telah mendirikan Kota Setar di Kedah pada 1122 hingga 1174 dan akhir sekali Tunku Abdullah Mukaram Shah telah mendirikan Kota Langgar.

## KOTA INDERA KAYANGAN I DAN II



**RAJAH I**


Tengku Dhiauddin Mukarram Shah iaitu pemangku Sultan Kedah telah mendirikan Kota Indera Kayangan II di Perlis. Tengku Dhiauddin mempunyai tiga orang anak iaitu Tengku Sofiah, Tengku Yusuf dan Tengku Mohamad. Kedua orang puteranya telah meninggal dunia iaitu Tengku Yusuf yang mati di Melaka dan Tengku Mohamad mati sewaktu masih kecil. Tengku Sofiah telah berkahwin dengan Syed Harun telah dilantik menjadi Penghulu Arau yang pertama. Syed Husin Jamalulail anak kepada Syed Harun dan Tengku Sofiah telah menjadi Raja Perlis pertama keturunan Syed. Maka dari sinilah bermulalah penubuhan Negeri Perlis pada 1909 bila timbul masalah pengaruh kuasa antara Keda.h, Siam dan Inggeris.

Pemerintahan Kota Indera Kayangan bermula dari sejarah pemerintahan Kedah hinggalah lahirnya sebuah kerajaan yang dipanggil Perlis dengan penubuhan beberapa buah kota pemerintahan yang mana tiga buah dari kota pentadbiran Kesultanan Kedah dibina di Perlis iaitu Kota Sena, Kota Indera Kayangan I (1662 - 1687) di bawah pemerintahan Sultan Dhiauddin Al-Mukaram Shah dan pemerintah Kota Indera Kayangan II di bawah pemerintahan Tengku Dhiauddin Mukaram Shah Pemangku Sultan Kedah (1795 - 1815). Sehubungan dengan ini dapatlah kita fahamkan bahawa Kota Indera Kayangan I & II yang dibina di Wai (lihat rajah 2) dalam kawasan Kuala Perlis merupakan pusat pentadbiran Kedah pada zaman dahulu yang sekarang ini dikenali oleh orang tempatan Perlis Almarhum Tok Kayang. Perkara yang disebut inilah merupakan asal-usul Kota Indera Kayangan.

Politik dan sistem pentadbiran di Kota Indera Kayangan berbentuk hiraki yang mana raja mempunyai kuasa mutlak dan berdaulat dalam menjalankan pemerintahan, membuat perhubungan dengan negeri luar dan sebagai pemimpin yang mengarahkan tentera-tentera dalam peperangan serta menjadi lambang perpaduan rakyat. Raja dibantu oleh pembesar-pembesar seperti menteri-menteri, manakala menteri-menteri ini pula dibantu oleh penghulu--penghulu yang menjadi wakil raja bagi setiap kawasan. Semua rakyat mesti menurut perintah raja dan tidak boleh menentang dengan apa cara sekalipun. Jika seseorang rakyat menentang raja ia dianggap durhaka. Dalam pemerintahan Kota Indera Kayangan I & II Sultan Dhiauddin Al-Mukaram Shah menjalankan pemerintahan berdasarkan undang-undang Kedah tua yang begitu berkait rapat dengan undang-undang Melayu lama iaitu dipengaruhi oleh adat Melayu yang mempunyai unsur-unsur Islam dan Hindu selaras dengan kepercayaan dan kebudayaan Melayu setempat. Pegawai yang menguruskan pentadbiran undang-undang adalah Temenggong yang mana undang-undang ini dipanggil undang-undang Datuk Besar telah diterbitkan pada





tahun 1650 manakala undang-undang peraturan cukai pula dibentuk pada tahun 1600 oleh Tembera Datuk Sri Paduka Tuan yang mempunyai 16 fasar dan telah diperkuatkuasa di negeri ini.

### KEDUDUKAN KOTA INDERA KAYANGAN I DAN II



RAJAH 2

#### PETUNJUK

- |   |                                       |  |           |
|---|---------------------------------------|--|-----------|
|  | KAWASAN KOTA INDERA KAYANGAN I DAN II |  | JALAN TAR |
|  | BUKIT                                 |  | SUNGAI    |

Semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin I (Kota Indera Kayangan I), baginda serta pembesar-pembesar berempat telah membuat perhubungan dengan negara luar terutamanya Aceh dan Makasar. Yang mana anak perempuan Dhiauddin telah berkahwin dengan Raja Jawa, beliau merupakan anak Raja Bugis yang berasal dari Makasar.

Semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin II pula, beliau telah membuat perhubungan dengan Aceh. Kedah pada masa ini telah mengeluarkan lada hitam, padi dan bijih timah secara kecil-kecilan. Undang-undang yang disusun oleh Tengku Ahmad Jiwa di Kota Setar diteruskan oleh Dhiauddin Mukaram II di Kota Indera Kayangan II. Dhiauddin II bersama Sultan Abdullah telah membuat hubungan dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris (S.H.T.) yang mana peristiwa ini penting dalam pemerintahan Dhiauddin II di Kayang. Kerajaan Kedah juga telah membuat rundingan dengan Edward Monckton sebagai wakil Inggeris di Madras di Kangar.

Pada tahun 1800 Dhiauddin II sebagai Pemangku Sultan Kedah telah membuat perjanjian dengan George Leith di Pulau Pinang mengenai masalah Seberang Perai dengan kerajaan Inggeris. Ini bermakna Dhiauddin II yang pemerintahannya berpusat di Kota Kayang ini memainkan peranan penting dalam pentadbiran Negeri Kedah dan apabila pentadbiran Kota Kayang mula dipisahkan dari Kedah Dhiauddin dilantik sebagai Raja Muda. Semasa beliau memerintah seorang menteri dilantik iaitu Menteri Datuk Paduka Mahawangsa untuk menjaga perbendaharaan dan hal-ehwal tanah. Di pelabuhan pula ada disediakan Shahbandar, Panglima Bandar, Negeri dan Mata-mata sebagai pemungut cukai.

Dari segi sosial masyarakat di dalam pemerintahan Kota Indera Kayangan adalah orang-orang Melayu keturunan "Melayu Deatro" yang mana pada umumnya rakyat bekerja sebagai petani. Untuk memajukan pertanian pada masa itu sebatang sungai telah digali dengan menggunakan dasar sistem kerah. Kebanyakan penduduk tinggal di tebing sungai kerana sistem pengangkutan seperti loronglorong dibuka untuk pergi ke sawah. Kemudian ini telah disediakan semasa Dhiauddin I memerintah. Semasa Dhiauddin II memerintah kemudahan seperti ini juga ada kerana ia menggunakan matawang Strait Settlement menggantikan sistem barter yang diperkenalkan dengan nilai ¼ sen yang juga dikenali dengan "Kepiang", ½ sen dan 1 sen.

Rakyat pada zaman pemerintahan Dhiauddin II telah menerima pengaruh-pengaruh India, China dan Thailand dalam perkembangan kebudayaan kerana pedagang-pedagang yang penting datang berdagang di Kawasan Utara Tanah Melayu adalah dari negeri-negeri yang telah disebutkan kebudayaan dan kesenian di Kota Indera Kayangan dipengaruhi oleh Budaya India, China dan

Thailand seperti Khadrah dari Arab, Biduan dari India, Makyong dari Thailand, Selampit dari Tanah Melayu, Awang Batil dari Tanah Melayu dan Menora dari Thailand merupakan alat hiburan pada zaman dahulu.

Berdasarkan fakta-fakta dan huraian di atas jelaslah bahawa Mukarram Shah I & II pernah menjadi pusat pentadbiran kerajaan Kedah yang penting. Mungkin ramai penduduk tempatan yang tidak menyedari hakikat bahawa Kota Indera Kayangan atau penduduk tempatan lebih mengenali sebagai Almarhum Tok Kayang terletak di Wai Kuala Perlis, Perlis pernah menjadi pusat pentadbiran kerajaan Kedah yang penting, mereka hanya mengenalinya sebagai tempat sejarah yang mempunyai unsur-unsur keramat berdasarkan pada bentuk tanda kubur yang agak istimewa dari tanda kubur lain.

## **TOKOH-TOKOH TEMPATAN (TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL)**

Oleh: MUHAMAD FIKRI BIN JAMALUDDIN

Tuan Haji Mokhtar Bin Haji Ismail, dikenali juga dengan panggilan Mohd. atau Che Mat yang kini berusia 78 tahun. Beliau tinggal di Kampung Pengkalan Asam, berhampiran dengan bandar Kangar. Kejayaan yang tercatat pada diri beliau merangkumi berbagai-bagai aspek termasuklah politik, pelajaran, ekonomi, agama dan kemasyarakatan. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail dilahirkan di Bandar Arau pada tahun 1909. Beliau mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Arau hingga darjah empat.

Ketika berusia 10 tahun, beliau dihantar oleh ayahnya ke Mekah untuk mengikuti pengajian dalam bidang keagamaan. Semasa tinggal di Mekah, beliau belajar di Madrasah Salatun, di bawah pimpinan seorang guru bernama Sheikh Tengku Mahmud Sheikh Zahudi. Dua tahun kemudian berlakulah peperangan Wahabi di Arab Saudi di antara Raja Arab Saudi yang ketika itu Shariff Hussin Ali dengan puak yang diketuai oleh Sultan Abdul Aziz. Ekoran dari itu, beliau dipanggil pulang oleh ayahnya melalui pejabat Konsul British di Jeddah kerana bimbang keselamatan beliau.

Dengan pertolongan konsul British, beliau ditempatkan dalam sebuah kapal barang untuk meninggalkan Jeddah, menuju ke Pengkalan Suez di Mesir. Setelah berada dalam perjalanan selama dua hari melalui Laut Merah, beliau akhirnya sampai di Pelabuhan Suez untuk menunggu